Import murah, besi seludup jejas industri tempatan - Tunku Yaacob

BeritaHarian Sun, Jun 08, 2025 02:31pm - 2 days View Original

Pengerusi Eksekutif Kumpulan Melewar, Tunku Datuk Yaacob Khyra. - NSTP/ROHANIS SHUKRI

KUALA LUMPUR: Sektor besi dan logam negara berdepan ancaman kritikal berikutan kemasukan import murah dan kegiatan penyeludupan yang semakin berleluasa, sehingga menjejaskan pengeluar tempatan dan membahayakan keselamatan pengguna.

Pengerusi Eksekutif Kumpulan Melewar, Tunku Datuk Yaacob Khyra, berkata tindakan segera dan perlindungan menyeluruh diperlukan bagi memastikan industri strategik negara ini terus berdaya saing serta tidak lumpuh akibat amalan pasaran tidak adil.

"Penyeludupan gegelung keluli sejuk (CRC) telah menjejaskan pasaran domestik selama bertahun-tahun. Produk ini masuk dengan mengelak cukai dan piawaian, menyebabkan pengeluar sah tidak mampu bersaing," katanya kepada BH.

Beliau berkata, lambakan keluli murah berpunca daripada kelembapan sektor hartanah di China yang mencetuskan lebihan pengeluaran, sekali gus membanjiri pasaran global termasuk Malaysia.

"Lebih membimbangkan, keluli seludup ini selalunya tidak menjalani proses pensijilan seperti COA SIRIM atau pengesahan Lembaga Pembangunan Industri Pembinaan Malaysia (CIDB). Ini mendedahkan sektor pembinaan negara kepada risiko keruntuhan struktur dan kehilangan nyawa," katanya.

Beliau turut berkongsi berita baru-baru ini, yang mana Polis Diraja Malaysia (PDRM) Bukit Aman menjalankan operasi besar-besaran di Selangor dan Kuala Lumpur terhadap sindiket penyeludupan produk besi, dengan rampasan barangan bernilai RM113.9 juta.

Pemeriksaan mendapati pelbagai pelanggaran serius termasuk kegagalan mematuhi dokumentasi piawaian import dan ketiadaan sijil CIDB bagi bahan binaan yang diwajibkan.

Antara barangan yang disita termasuk gegelung induk dan produk keluli siap, dipercayai diimport secara haram untuk mengelak cukai dan peraturan anti-lambakan.

Menurut Tunku Yaacob, tindakan PDRM itu membuktikan wujudnya jaringan penyeludupan berskala besar yang telah lama menggugat industri besi negara.

"Ini bukan isu satu industri semata-mata. Ia membabitkan keselamatan awam, kelangsungan ekonomi negara dan kewibawaan undang-undang kita," katanya.

Sehubungan itu, beliau menyeru supaya agensi penguat kuasa seperti PDRM, Kastam dan CIDB diperkasakan secara menyeluruh untuk membanteras kegiatan ini hingga ke akar umbi.

Beliau turut menggesa kerajaan mempertimbang semula dasar import dan memperkukuh mekanisme perlindungan industri seperti langkah anti-lambakan serta kawalan kuota yang lebih ketat.

"Jika tiada tindakan bersepadu, kita bakal kehilangan pelaburan, pekerjaan dan kemampuan untuk bersaing secara global. Malaysia tidak boleh membiarkan kegiatan haram ini terus menekan pengeluar sah," katanya.

Translate View Original Article Share

The content is a snapshot from Publisher. Refer to the original content for accurate info. Contact us for any changes.

Comments

Login to comment.

Announcements

IPO

Shareholdings

About

Home

Contact Us

About us

Follow us

Facebook

Discussion

Comments

Guidelines

Also available on

GET IT ON Google Play

Available on the App Store

EXPLORE IT ON AppGallery

Download from Windows Phone Store

© KLSE Screener 2025 | Neobie Enterprise | Terms of Use